Sila baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai Takaful *my*Lindung PA. Sila juga pastikan untuk membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

a. Takaful *my*Lindung PA ("produk ini") direka secara eksklusif untuk pelanggan-pelanggan RHB Islamic Bank Berhad [200501003283 (680329-V)] dan ianya hanya boleh didapati melalui telepemasaran sahaja.

b. Produk ini menyediakan takaful kemalangan diri untuk melindungi anda dan keluarga anda sekiranya berlaku kecederaan, kecacatan atau kematian disebabkan oleh kemalangan.

c. Sebagai tambahan, produk ini diperluaskan untuk melindungi kematian akibat COVID-19 dan hospitalisasi akibat COVID-19 (tahap 3 hingga 5) semasa di dalam Malaysia.

2. Apakah konsep Shariah yang diguna pakai?

Produk ini menggunakan konsep Shariah yang berikut:

a. **Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Di bawah produk ini, manfaat yang dibayar dari Dana Takaful Am ("DTA") adalah berdasarkan Hibah. Penama boleh menerima manfaat yang dibayar di bawah produk ini jika penama adalah seorang penerima di bawah Hibah bersyarat.

b. **Ju'alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang Berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah produk ini, peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad ("Kami", atau "Takaful Malaysia") untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan DTA yang menghasilkan lebihan tersebut.

c. **Qard** merujuk kepada kontrak meminjamkan wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam terikat untuk membayar balik jumlah pinjaman yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah produk ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah jika DTA tersebut berada di dalam defisit.

d. **Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah produk ini, peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta-peserta lain. Tabarru' berkuat kuasa apabila peserta menyumbang kepada DTA.

e. **Wakalah** merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara-perkara yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di bawah produk ini, peserta memberi kausa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasan, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

3. Apakah perlindungan/ manfaat/ pelan yang disediakan?

Terdapat empat (4) jenis perlindungan untuk dipilih: -

i. Individu sahaja;
ii. Individu & Pasangan;
iii. Individu & Anak-Anak; atau
iv. Keluarga (Individu, Pasangan & Anak-Anak).

Terdapat enam (6) pelan dengan berlainan Jumlah Perlindungan disediakan. Sila rujuk kepada Jadual Manfaat di bawah.

No.	Jadual Manfaat	Jumlah Perlindungan (RM)					
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6
1.	Manfaat Kematian akibat COVID-19	25,000	50,000	75,000	100,000	125,000	150,000
2.	Manfaat Kematian akibat Kemalangan	25,000	50,000	75,000	100,000	125,000	150,000
3.	Manfaat Berganda Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh akibat Kemalangan	50,000	100,000	150,000	200,000	250,000	300,000
4.	Manfaat Tunai akibat COVID-19 (Tahap 3 hingga 5)*	1,000	1,000	1,500	1,500	2,000	2,000
5.	Pendapatan Hospital Harian akibat Kemalangan (sehari sehingga 30 hari bagi setiap kemalangan)	50	100	150	200	250	300
6.	Bonus Pembaharuan jika Tiada Tuntutan	Penambahan 20% kepada Jumlah Perlindungan bagi Manfaat Kematian akibat Kemalangan bagi setiap Tahun Sijil, sehingga 100% (sehingga 5 Tahun Sijil)					

Nota:

a) *Perlindungan bagi manfaat No. 1, 4 dan 5 hanya tertakluk di dalam Malaysia sahaja.

b) Jumlah Perlindungan bagi seorang Anak adalah lima puluh peratus (50%) daripada Jumlah Perlindungan seperti dinyatakan di dalam Jadual Manfaat manakala Jumlah Perlindungan bagi Individu atau Pasangan (jika berkenaan) adalah seratus peratus (100%) daripada Jumlah Perlindungan seperti dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

c) Hanya satu tuntutan sahaja akan dibayar dibawah salah satu manfaat No. 1, 2 atau 3 bagi setiap Orang yang Dilindungi. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, jika sesuatu tuntutan dibayar di bawah manfaat No. 1, mana-mana tuntutan di bawah manfaat No. 2 atau 3 tidak akan dibayar jika ianya berkaitan dengan Orang yang Dilindungi yang sama.

d) Berkenaan manfaat No. 1 dan 4, Takaful Malaysia tidak akan membayar tuntutan di mana:
   (i) Ujian COVID-19 bagi Orang yang Dilindungi dilakukan di dalam **Tempoh Menunggu** atau sebelum Tarikh Berkuatkuasa bagi Sijil Individu anda.
   (ii) Orang yang Dilindungi didapati menghidap COVID-19 di dalam **Tempoh Menunggu**.

Tempoh Menunggu merujuk kepada empat belas (14) hari pertama daripada Tarikh Berkuatkuasa bagi Sijil Individu anda.

Berikut adalah penerangan ringkas berkenaan manfaat yang dilindungi di bawah produk ini:

No.	Jadual Manfaat	Penerangan Ringkas
1.	Manfaat Kematian akibat COVID-19	Kami akan membayar Jumlah Perlindungan jika Orang yang Dilindungi meninggal dunia akibat COVID-19 semasa di dalam Malaysia dengan syarat kematian tersebut berlaku dlaam tempoh serratus lapan puluh (180) hari daripada ujian COVID-19.
2.	Manfaat Kematian akibat Kemalangan	Kami akan membayar Jumlah Perlindungan jika Orang yang Dilindungi mengalami kecederaan Tubuh Badan yang mengakibatkan kematian dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan.
3.	Manfaat Berganda Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh akibat Kemalangan	Kami akan membayar Jumlah Perlindungan jika Orang yang Dilindungi mengalami Kecederaan Tubuh Badan yang mengakibatkan Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh ("HUKM") dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh Kemalangan. HUKM merujuk kepada mana-mana senarai keadaan berikut yang dialami oleh Orang yang Dilindungi akibat daripada Kecederaan Tubuh Badan; a) lumpuh sepenuhnya keseluruhan badan; b) amputasi dua anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki; c) lumpuh sepenuhnya dua anggota badan; dan/atau d) kehilangan penglihatan menyeluruh salah satu mata dan kehilangan akibat pemishaan satu (1) anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki. Keadaan tersebut mestilah berterusan selama tempoh enam (6) bulan dan disahkan oleh Pengamal Perubatan bahawa tiada lagi harapan untuk pulih.
4.	Manfaat Tunai akibat COVID-19 (Tahap 3 hingga 5)	Takaful Malaysia akan membayar Jumlah Perlindungan jika Orang yang Dilindungi dimasukkan ke hospital di dalam Malaysia akibat positif COVID-19 tahap tiga (3) hingga lima (5). Hanya satu (1) tuntutan akan dibayar bagi Orang yang Dilindungi yang sama di bawah Manfaat ini bagi setiap Tempoh Perlindungan Takaful. Bukti tuntutan perlu diserahkan kepada Takaful Malaysia dan disertakan sekali bersama keputusan Ujian COVID-19.
5.	Pendapatan Hospital Harian akibat Kemalangan	Takaful Malaysia akan membayar Jumlah Perlindungan jika Orang yang Dilindungi dimasukkan ke hospital di dalam Malaysia akibat Kecederaan Badan sehingga maksimum tiga puluh (30) hari bagi setiap Kemalangan dan seratus dua puluh (120) hari bagi setiap Tempoh Takaful.

6.	Bonus Pembaharuan jika Tiada Tuntutan	Jumlah Perlindungan bagi Manfaat Kematian akibat Kemalangan akan bertambah sebanyak dua puluh peratus (20%) daripada Jumlah Perlindungan Asal bagi setiap Tahun Sijil kepada setiap Ulang Tahun Sijil maksimum sehingga seratus peratus (100%) daripada Jumlah Perlindungan Asal dengan syarat: a) Sijil itu diperbaharui secara berterusan daripada Tahun Sijil lepas yang akan tamat tempoh tanpa sebarang jurang pembaharuan bulanan; dan b) tiada sebarang tuntutan telah dibuat oleh Orang yang Dilindungi semasa Tahun Sijil yang sebelumnya.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari www.pidm.gov.my/my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan yang perlu pelanggan bayar berbeza mengikut pada pelan yang pelanggan telah sertai.

Sumbangan Bulanan (Termasuk 8% Cukai Perkhidmatan)	(RM)					
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6
Individu	28.53	48.91	69.28	89.66	110.04	130.42
Individu & Pasangan	48.91	87.62	126.34	154.87	193.58	232.30
Individu & Anak	60.11	109.02	156.91	193.58	242.49	290.38
Keluarga (Individu, Pasangan & Anak)	84.57	152.83	220.08	271.02	339.28	406.53

Nota:

a) Dalam usaha untuk memastikan perlindungan yang berterusan bagi produk ini, sumbangan akan ditolak secara automatik daripada akaun simpanan atau akaun semasa pelanggan pada setiap bulan. Pembaharuan sumbangan tidak dijamin.

b) Hanya satu (1) pasangan yang sah dilindungi di bawah 'Individu & Pasangan' dan 'Keluarga'.

c) Apabila perlindungan melibatkan anak-anak dipilih, Takaful Malaysia akan melindungi kesemua anak-anak yang belum berkahwin dan bekerja berumur daripada tiga puluh (30) hari sehingga umur lapan belas (18) tahun atau berumur dua pilih tiga (23) tahun jika masih melanjutkan pengajian secara tetap, maksimum sehingga tiga (3) anak-anak.

d) Hanya satu (1) sijil akan dikeluarkan tanpa mengira jumlah Orang yang Dilindungi daripada pelan yang telah dipilih.

5. Apakah caj dan yuran yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Yuran Wakalah	60% daripada sumbangan yang mana: *(contoh: sumbangan kasar ialah RM26.42 x 60% untuk Pelan 1 – Individu = RM15.85)* i. Komisen – 25% ii. Perbelanjaan Lain – 35%
Cukai Perkhidmatan	8% daripada pembayaran sumbangan

Duti setem sebanyak RM10.00 akan dibayar oleh RHB Islamic Bank Berhad.

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang perlu saya ketahui?

Sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut anda ketahui adalah:

a. **Tanggungjawab Pendedahan** – Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat pernyataan yang salah dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan berkenaan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan tuntutan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

b. Orang yang Layak:
   a) Syarat-syarat kelayakan bagi menyertai pelan Takaful *my*Lindung PA, individu itu perlulah:
      (i) seorang Warganegara Malaysia; dan
      (ii) merupakan pelanggan RHB Islamic Bank Berhad.
   b) Sebagai tambahan kepada di atas, individu itu perlu memenuhi syarat-syarat umur seperti Umur pada Tarikh Lahir Akan Datang (UTLAD) pada Tarikh Berkuat Kuasa daripada Tahun Sijil yang pertama:
      (i) kemasukan minimum UTLAD bagi Individu dan Pasangan adalah dua puluh satu (21) tahun;
      (ii) kemasukan maksimum UTLAD bagi Individu dan Pasangan adalah lima puluh lima (55) tahun dan boleh diperbaharui sehingga tujuh puluh (70) tahun; dan
      (iii) UTLAD bagi seorang Anak adalah tiga puluh (30) hari sehingga lapan belas (18) tahun dan kebergantungan dari segi kewangan sepenuhnya pada individu. Bagi seorang Anak yang didaftarkan sebagai pelajar sepenuh masa pada institusi pendidikan yang diiktiraf dan tidak bekerja sepenuh masa, umur maksimum yang dibenarkan adalah dua puluh tiga (23) tahun.

c. Tunai Sebelum Perlindungan – Perlindungan Anda tidak akan berkuatkuasa selagi sumbangan yang tertunggak belum dibayar.

d. **Tempoh Tangguh** – Anda mempunyai enam puluh (60) hari dari tarikh tunggakan sumbangan (inklusif) untuk membayar setiap sumbangan yang tertunggak. Jika sumbangan tersebut tidak dibayar pada penghujung tempoh penangguhan, sijil anda akan tamat dan tiada perlindungan akan diberikan kepada anda.

e. Jika suatu kemalangan berlaku yang akan melibatkan tuntutan, anda perlu memaklumkan Takaful Malaysia dengan segera.

Nota:
Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil induk bagi senarai penuh terma dan syarat di bawah produk ini.

7. **Apakah pengecualian utama bagi produk ini?**
Produk ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:
   a. Berlumba, cubaan kelajuan dan ujian ke atas kenderaan;
   b. Penyakit fizikal atau mental sedia-ada;
   c. Tidak waras, bunuh diri (samada waras atau tidak waras), kecederaan yang disengajakan oleh diri sendiri atau sebarang percubaan lain yang berkaitan; dan/atau
   d. Intoksikasi oleh arak atau dadah.

Nota:
Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil induk bagi senarai penuh pengecualian di bawah produk ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?
Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Jika anda membatalkan sijil anda dalam tempoh bertenang lima belas (15) hari yang pertama daripada tarikh berkuatkuasanya sijil anda), anda berhak menerima pemulangan balik sumbangan yang telah dibayar. Jika anda membuat pembatalan selepas tempoh bertenang, perlindungan anda akan tamat pada tarikh pemotongan sumbangan yang seterusnya di mana anda tidak perlu membuat sebarang pembayaran sumbangan lagi.

9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?
Adalah penting untuk anda mengemaskini butiran maklumat tersebut di dalam *my*Takaful Customer portal atau emel kepada kami di telemarketing@takaful-malaysia.com.my untuk sebarang perubahan pada butiran maklumat untuk menghubungi anda atau pada profil kehidupan anda, termasuk pekerjaan dan akiviti peribadi yang boleh mempengaruhi profil risiko.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?
Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai produk ini, sila hubungi kami di:

Customer Service Unit (CSU)
Suite 1B-3A, Level 3A Blok 1B,
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 1300-82-0022
Emel: telemarketing@takaful-malaysia.com.my

11. Jenis-jenis perlindungan lain yang sama dan boleh didapati.
Sila rujuk laman web kami di www.takaful-malaysia.com.my.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN MENGAMBIL PERHATIAN KEPADA JADUAL MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA AKIBAT KEMALANGAN DI DALAM SIJIL INDUK. ANDA HARUS MENAMAKAN SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA TERSEBUT DIMAKLUMKAN DENGAN SIJIL YANG TELAH ANDA SERTAI. ANDA HARUS BACA DAN FAHAM PRODUK INI ATAU HUBUNGI TERUS TAKAFUL MALAYSIA UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Produk ini diuruskan oleh Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)] yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan di dalam Helaian Penerangan Produk ini sah pada April 2025.